

# Kayfiyyat Mendirikan Salat Malam

[Muhammad Nasiru d-Din Al-Albaniy]

1. Tiga belas (13) raka`at. Bermula dengan dua (2) raka`at yang ringan iaitu sunat ba`diyyah `Isya' atau dua raka`at khas untuk memulakan salat malam. Kemudian bersalat dua (2) raka`at yang sangat panjang, kemudian bersalat dua (2) raka`at, kemudian bersalat dua (2) raka`at, kemudian bersalat dua (2) raka`at, kemudian berwitir dengan satu (1) raka`at. [Muslim/ 765]
2. Tiga belas (13) raka`at. Bersalat lapan (8) raka`at dengan bersalam pada setiap dua raka`at, kemudian berwitir dengan lima (5), tidak duduk tahiyat dan tidak bersalam melainkan pada raka`at kelima. [Ahmad/ 24400, sanadnya sahih]
3. Sebelas (11) raka`at. Bersalam pada setiap dua raka`at dan berwitir dengan satu raka`at. [Muslim/ 736]
4. Sebelas (11) raka`at. Bersalat empat (4) raka`at dengan satu salam, kemudian empat (4) dengan satu salam, kemudian dengan tiga (3) raka`at. [Al-Bukhariy/ 1147]
5. Sebelas (11) raka`at. Bersalat lapan (8) raka`at, tidak duduk tahiyat melainkan pada raka`at kelapan, kemudian bertahiyat dan bersalawat, kemudian bangun dan berwitir dengan satu (1) raka`at dan bersalam. Kemudian bersalat dua (2) raka`at dalam keadaan duduk. [Muslim/ 746]
6. Sembilan (9) raka`at. Bersalat enam (6) raka`at, tidak duduk tahiyat melainkan pada raka`at keenam, kemudian bertahiyat dan bersalawat, kemudian bangun dan berwitir dengan satu (1) raka`at. Kemudian bersalat dua (2) raka`at dalam keadaan duduk. [Muslim/ 746]

## Bacaan Di Akhir Witir

Daripada `Aliy bin Abi Talib, bahawa Rasula Llah berkata di akhir witirnya:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سُخْطِكَ ، وَبِمُعَافَاتِكَ مِنْ عُقُوبَتِكَ ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْكَ لَا أَحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ ، أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ

Allahumma inni a`uzu biridhaka min sukhtika, wabimu`afatika min `uqubatika, wa'a`uzu bika minka la uhsi sana'an `alayka, anta kama asnayta `ala nafsika

«Ya Allah, sesungguhnya saya berindung dengan redha-Mu daripada murka-Mu, dan dengan kebaikan-Mu daripada hukuman-Mu, dan saya berindung dengan-Mu daripada diri-Mu, tidak saya kira pujian terhadap-Mu, Kamu adalah sebagaimana yang telah Kamu puji terhadap diri-Mu» [Abi Dawud/ 1427, sahih]



Bil: 2/ 2007 • Ramadhan 1428 Hijrah • SMK Desa Kencana, Lahad Datu, Sabah • www.smkdk.com

# Risalah Ramadhan رمضان

## Peristiwa di Bulan Ramadhan

1. Allah menurunkan di dalamnya Al-Qur'an.
2. Peperangan Badar. Berlaku pada tahun ke-2 Hijrah.
3. Pembukaan Makkah. Berlaku pada hari Jumaat, 20 Ramadhan tahun 8 Hijrah.

## Hikmah Kefardhuan Puasa

1. Supaya manusia bertaqwa kepada Allah, iaitu dengan meninggalkan apa yang Allah haramkan, dan mendirikan apa yang Allah wajibkan.  
Kata Allah: «Wahai orang-orang yang percaya, tertulis ke atas kamu puasa, sebagaimana tertulis ke atas orang-orang yang sebelum kamu, semoga kamu bertaqwa» [Al-Baqarah: 183].

## Jika Terbatal Puasa...

Jika seseorang melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa, ia akan menyebabkan:

1. Dosa.
2. Rosak puasanya.
3. Wajib menahan diri (seperti orang yang berpuasa) sepanjang hari itu.
4. Wajib qadha' (ganti) puasa hari itu.
5. Kaffarah, jika batal puasa disebabkan melakukan jima` (persetubuhan/ hubungan seks)

Kaffarah ialah membebaskan hamba. Jika tidak dapat, maka hendaklah berpuasa dua (2) bulan berturut-turut. Jika tidak mampu, maka hendaklah memberi makan enam puluh (60) orang miskin.

## Waktu Qiyam

Waktu salat malam ialah selepas salat `Isya' sehingga fajar, dan yang paling baik ialah pada akhir malam. Kata Nabi: «Sesungguhnya Allah telah menambahkan kamu dengan salat dan ia ialah witir. Maka kerjakanlah salat itu pada masa di antara salat `Isya' dan salat Fajar (Subuh)» [Ahmad/ 23339, sahih].

Nabi berkata: «Barangsiapa risau dia tidak dapat berqiyam pada akhir malam, maka hendaklah dia berwitir pada awalnya. Dan barangsiapa mahu untuk berqiyam pada akhirnya, maka hendaklah dia berwitir pada akhir malam. Maka sesungguhnya salat pada akhir malam itu adalah disaksikan, dan itulah yang lebih baik» [Muslim/ 755].

## Bacaan Setelah Memberi Salam Ketika Witir

Daripada Ubayy bin Ka`b dia berkata: Rasula Llah apabila memberi salam ketika witir, dia berkata:

سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ

Subhana l-maliki l-quddus

«Maha Suci yang mempunyai kerajaan, yang maha Suci» [Abi Dawud/ 1430, sahih]

## Kelebihan Qiyamu Ramadhan (mendirikan salat malam pada bulan Ramadhan)

### 1. Diampunkan dosa-dosa yang lalu

Daripada Abi Hurayrah, dia berkata: Rasulullah menggalakkan untuk mendirikan (salat malam) ketika Ramadhan, tanpa menyuruh mereka padanya dengan paksaan, dan dia berkata: **«Barangsiapa mendirikan (salat malam) ketika Ramadhan dengan keimanan dan pengharapan, diampunkan baginya apa yang telah berlalu daripada dosanya»**. [Muslim/ 759]

### 2. Termasuk dalam golongan As-Siddiqin dan Asy-Syuhada'

Daripada `Amru bin Murrah Al-Juhaniy dia berkata: Telah datang kepada Rasulullah seorang lelaki daripada Qudha`ah, maka dia berkata kepadanya, "Ya Rasulullah, apa pendapat kamu jika saya mengaku bahawa tiada Tuhan selain Allah, dan bahawa kamu adalah Rasulullah, dan saya bersalat yang lima, dan saya berpuasa sebulan, dan saya mendirikan (salat malam) ketika Ramadhan, dan saya memberikan zakat?". Maka berkata Nabi: **«Barangsiapa mati di atas hal ini, adalah dia daripada golongan As-Siddiqin (yang membenarkan) dan Asy-Syuhada' (yang menyaksikan)»**. [Ibnu Khuzaymah/ 2212, dengan sanad yang sahih]

## BILANGAN RAKA`AT Qiyamu Ramadhan

Bilangan raka`atnya ialah sebelas (11) raka`at, dan tidak ditambah ke atasnya sebagai mengikuti sunnah Rasulullah yang tidak menambah ke atasnya melebihi 11 raka`at sehingga dia wafat.

`A'isyah disoal bagaimanakah keadaan salat Rasulullah ketika Ramadhan, maka dia berkata, "Tidaklah Rasulullah menambah ketika Ramadhan dan tidak ketika selainya melebihi sebelas (11) raka`at. Dia bersalat dengan empat (4), maka janganlah kamu soal tentang bagusnya dan panjangnya. Kemudian dia bersalat dengan empat (4), maka janganlah kamu soal tentang bagusnya dan panjangnya. Kemudian dia bersalat dengan tiga (3)". [Al-Bukhariy/ 1147]

# Bacaan

## Qiyamu Ramadhan

Bacaan ketika salat malam dalam qiyamu Ramadhan atau selainya tidak ditetapkan oleh Rasulullah. Kadangkala ia pendek dan kadangkala ia panjang. Kadangkala Nabi membaca pada setiap raka`at sepanjang Surah Al-Muzzammil iaitu 20 ayat. Kadangkala Nabi membaca sepanjang 50 ayat.

Nabi berkata: **«Barangsiapa mendirikan (salat malam) dengan sepuluh (10) ayat, tidaklah dia ditulis daripada golongan yang lalai. Dan barangsiapa mendirikan (salat malam) dengan seratus (100) ayat, dituliskan daripada golongan Al-Qanitin (yang ta`at). Dan barangsiapa mendirikan (salat malam) dengan seribu (1000) ayat, dituliskan daripada golongan Al-Muqantirin (yang diberikan ganjaran yang sangat besar)»**. [Abi Dawud/ 1398, sahih]

Dan Nabi telah membaca pada suatu malam ketika dia sedang sakit tujuh (surah) yang panjang, iaitu Surah Al-Baqarah, Ali `Imran, An-Nisa', Al-Ma`idah, Al-An`am, Al-A`raf, dan At-Tawbah.

Dan Nabi telah membaca dalam satu raka`at, Surah Al-Baqarah, kemudian An-Nisa', kemudian Ali `Imran, dan dia membacanya dengan perlahan-lahan.

Daripada Huzayfah dia berkata: Saya telah bersalat bersama Nabi pada suatu malam, maka dia membuka dengan Al-Baqarah, maka saya berkata bahawa dia akan ruku` ketika ayat ke-100. Kemudian dia berlalu, maka saya berkata bahawa dia akan bersalat dengannya (Al-Baqarah) dalam satu raka`at. Maka dia berlalu, dan saya berkata bahawa dia akan ruku` dengannya. Kemudian dia membuka dengan An-Nisa' dan dia membacanya. Kemudian dia membuka dengan Ali `Imran dan dia membacanya. Dia membacanya dengan perlahan-lahan. [Muslim/ 772]

## Puasa Hanya Terbatal Dengan 3 Syarat

(Jika melakukan perkara yang membatalkan puasa)

1. Tahu
2. Sedar
3. Mahu

Pertama: TAHU. Jika seseorang melakukan perkara yang membatalkan puasa dalam keadaan jahil (tidak tahu), maka puasanya adalah sah, sama ada dia jahil tentang waktu atau tentang hukum.

Contoh jahil tentang waktu: seorang lelaki bangun pada hujung malam dan menyangka bahawa fajar belum terbit, dan dia pun makan dan minum. Kemudian, barulah dia tahu bahawa fajar telah terbit. Maka dalam hal ini, puasanya adalah sah, kerana dia jahil tentang waktu.

Dan contoh jahil tentang hukum: Seseorang yang berpuasa berbekam sedangkan dia tidak tahu bahawa berbekam membatalkan puasa. Maka dikatakan kepadanya, "Puasa kamu adalah sah". Dan dalil hal itu ialah kata-Nya ta`ala: **«Wahai Tuhan kami, jangan Kamu hukum kami jika kami terlupa atau kami tersalah»** [Al-Baqarah: 286]

Kedua: SEDAR. Lawan sedar ialah lupa. Jika terlupa orang yang berpuasa dan dia makan atau minum, maka puasanya adalah sah. Kata Nabi: **«Barangsiapa terlupa sedangkan dia berpuasa, dan dia makan atau minum, maka hendaklah dia menyempurnakan puasanya. Maka sesungguhnya Allah telah memberinya makan dan telah memberinya minum»** [Muslim/ 1155].

Ketiga: MAHU. Maka jika orang yang berpuasa melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa tanpa kemahuan daripadanya dan keinginan, maka puasanya adalah sah. Dan jika dia berkumur-kumur dan terturun air ke perutnya tanpa kehendaknya, maka puasanya adalah sah.

## Rujukan:

1. Hafiz Firdaus Abdullah, Khairol Amin, Dr. Mohd Asri Zainul Abidin (2004). **Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa**. <http://al-firdaus.com>
2. Muhammad Bin Salih Al-`Usaymin (2000/ 1421H). **48 Soalan Fi s-Siyam**. <http://www.binothaimeen.com/>
3. Muhammad Nasiru d-Din Al-Albaniy (1413H). **Risalah Qiyamu Ramadhan: Fadhihi Wakayfiyyati Ada'ihii Wamasyru'iyati li-Jama`ati Fihii**. Cetakan ke-6. Al-Maktabah Al-Islamiyyah.